



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

SIARAN MEDIA

SEMINAR HEBAHAN AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (PINDAAN) 2022 PERINGKAT ZON UTARA

KESUMA melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), pada hari ini telah menganjurkan Seminar Hebahan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2022 Peringkat Zon Utara. Seminar ini telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Encik Steven Sim Chee Keong, Menteri Sumber Manusia.

Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2022 telah diwartakan pada 16 Mac 2022 dan akan dikuatkuasakan pada **1 Jun 2024**. Pewartaan Akta ini selari dengan komitmen Kerajaan untuk memastikan semua pekerja di negara ini dapat bekerja di persekitaran kerja yang selamat, sihat, kondusif dan produktif.

Antara perubahan ketara di dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2022 adalah **peningkatan penalti (*deterrent effect*) yang berjumlah 10 kali ganda daripada yang sedia ada, iaitu maksimum penalti dinaikkan daripada RM50,000 kepada RM500,000**.

Dengan peningkatan kadar penalti untuk setiap pelanggaran di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2022, secara tidak langsung isu keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja akan diberi perhatian dengan menjadikan tempat kerja adalah bebas daripada kemalangan dan penyakit pekerjaan.

Penganjuran seminar ini bertujuan memastikan pihak berkepentingan iaitu pengamal KKP, persatuan-persatuan KKP, majikan dan juga pekerja dapat memahami dengan lebih mendalam perubahan-perubahan yang telah dibuat di dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

(Pindaan) 2022, dan seterusnya mampu mengaplikasikan pengetahuan ini untuk memperkuat pematuhan serta meningkatkan keselamatan dan kesihatan pekerja di seluruh sektor industri.

Seminar Hebahan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2022 ini akan diadakan di enam (6) zon di seluruh Malaysia, bermula dengan Zon Utara pada hari ini, diikuti Zon Selatan, Zon Pantai Timur, Zon Sabah/Labuan, Zon Sarawak dan yang terakhir di Zon Tengah.

Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara 2021-2025 atau OSHMP25 dibangunkan bertujuan untuk memperkukuhkan lagi pembentukan “Budaya Kerja Selamat dan Sihat” di kalangan majikan dan pekerja dan program pada hari ini merupakan salah satu Program di bawah **Teras Strategik 1 iaitu Memartabatkan Dasar dan Perundangan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.**

KESUMA melalui JKKP sentiasa menekankan pentingnya penguatkuasaan undang-undang sedia ada serta perlunya penyesuaian terhadap cabaran baharu dalam keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) bagi memastikan tempat kerja adalah selamat, sihat, kondusif dan sejahtera.

###

**Dikeluarkan oleh:
Pejabat Ketua Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia
20 Mei 2024**